

**KESEDIAAN MALAYSIA DALAM
PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG JENAYAH
ISLAM: KAJIAN KES KE ATAS JKSM**

MOHAMED BIN SARBINI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2018

**KESEDIAAN MALAYSIA DALAM
PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG JENAYAH
ISLAM: KAJIAN KES KE ATAS JKSM**

oleh

MOHAMED BIN SARBINI

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Mei 2018

PENGHARGAAN



Segala puji hanya bagi Allah SWT dengan kudrat dan iradahNya mencipta kita dengan sebaik-baiknya kejadian, selawat serta salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang diturunkan oleh Allah SWT sebagai rahmat serta nur kepada alam semesta keseluruhannya. Kesyukuran dihadapkan kepa Allah SWT kerana dapat saya menyiapkan tesis ini

Sekalung ucapan terima kasih kepada Prof Madya Dr. Jasni Sulong selaku penyelia yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan di atas segala bimbingan, komitmen, keprihatinan dan kesabaran memberi ditunjuk ajar yang begitu lama walaupun sentiasa dihujani kesibukan kerja serta jadual tugas yang ketat untuk menyelia tesis ini.

Penghargaan yang sama turut ditujukan khususnya kepada Universiti Sains Malaysia kerana menganugerahkan saya Skim Siswazah Pembantu (Pengajaran) Sidang Akademik tahun 2010 hingga 2011 dan Geran Insentif Pelajar Siswazah yang bernilai RM10,000.00. Sebesar-besar terima kasih juga diucapkan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak kerana telah memberikan Dermasiswa sebanyak RM5,000.00.

Penghargaan yang tinggi juga kepada Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Putra, Yang Arif Ketua Hakim Mahkamah Tinggi dan Rendah Syariah Negeri. Jabatan Pendakwaan Syariah. Tetuan Peguam cara dan Peguam bela Syarie Kelantan, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan dan Perak Penasihat Perundangan Syariah Bahagian Penyelidikan Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Jawatankuasa Teknikal Hukum Syarak dan Sivil Jakim. Shahibul Samahan Dato' Mufti Pulau Pinang, Dato' Mufti Kedah. Hakim Mahkamah Majistret

Majung Perak. Tanpa kerjasama mereka memberi maklumat tersebut, tesis ini tidak akan dapat disiapkan.

Setinggi penghargaan kepada Prof Madya Dr. Atikullah bin Abdullah dari Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang dan Prof Dr Noraida binti Endut, Pengarah Pusat Penyelidikan Wanita & Gender (KANITA) Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang yang bertindak sebagai pemeriksaan dalaman. Begitu juga penghargaan disampaikan kepada Prof Dr Abdul Basir Muhamad dari Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi Selangor selaku pemeriksa luar. Terima kasih diucapkan kepada ketiga-tiga nama tersebut di atas segala teguran, saranan dan penambahbaikan terhadap tesis ini.

Ucapan terima kasih juga kepada pihak pentadbiran dan perpustakaan semua universiti di Malaysia khususnya Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Peringatan Za'aba Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Universiti Malaya, termasuk Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur dan Alor Star Kedah, Perpustakaan Pusat Sumber Parlimen Malaysia serta Perpustakaan Jabatan Peguam Negara Putrajaya juga yang telah membantu mendapatkan maklumat serta rujukan yang berguna.

Doa serta harapan mengiringi arwah ayahanda serta bonda, dan anakanda, semoga sentiasa dicucuri rahmat. Terima kasih juga buat isteri, anak-anak, cucu dan menantu sentiasa memberikan semangat dan dorongan sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Terima kasih kepada rakan-rakan Kelab Ijazah Tinggi, semua staf pentadbiran dan akademik, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan Pusat Pengajian Siswazah Universiti Sains Malaysia yang turut memberikan dorongan dalam menyiapkan penyelidikan ini. Tidak ketinggalan terima kasih diucapkan kepada semua sahabat yang membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam mengatur sesi

temu bual dengan sempurna. Jasa dan kebaikan kalian semua tidak dapat dibalas dengan kata-kata, Allah SWT sahaja yang dapat membalasnya.

Saya dengan rasa rendah diri mengaku bahawa sebaik mana pun tesis ini ditulis, sebagai insan biasa dan warga emas ia tidak terhindar daripada perubahan dan kritikan. Oleh yang demikian, kritikan yang bersifat konstruktif sangat-sangat diharapkan demi kebaikan semua pihak. Segala kekurangan dalam tesis dapat diperbaiki dari semasa ke semasa.

Sekian, wassalam.

Hj Mohamed bin Hj Sarbini

F2 Fasa 1D1 Jalan SM 1D/7

32040 Manjung, Perak.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii	
SENARAI KANDUNGAN	v	
SENARAI RAJAH	x	
SENARAI JADUAL	xi	
SENARAI CARTA	xii	
SENARAI SINGKATAN	xiii	
PANDUAN TRANSLITERASI	xv	
SENARAI STATUT	xviii	
ABSTRAK	xxi	
ABSTRACT	xxiii	
BAB I - PENDAHULUAN		
1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	2
1.2	Permasalahan Kajian	11
1.3	Objektif Kajian	15
1.4	Persoalan Kajian	15
1.5	Kepentingan Kajian	16
1.6	Skop Kajian	17
1.7	Sorotan Literatur	18
1.8	Metodologi Kajian	23
	1.8.1 Kaedah Pengumpulan Data	24
	1.8.2 Kajian Kepustakaan	24

1.8.3	Kajian Lapangan (Field Research)	26
1.8.4	Pengesahan Sebagai Temu bual	29
1.9.	Kaedah Pengumpulan dan Analisis Data	31
1.10	Organisasi Kajian	31

BAB II - KONSEP KESEDIAAN DALAM ISLAM

2.0	Pengenalan	33
2.1	Konsep Kesediaan Dalam Islam	34
2.2	Pembentukan Konsep Kesediaan	35
2.2.1	Kesediaan Dari Segi Bahasa	35
2.2.2	Kesediaan Dari Segi Istilah	39
2.3	Kesediaan Dalam Konteks Syariah	48
2.3.1	Hukum Taklifi	49
2.3.2	Hukum Wad'i	59
2.3.3	<i>Mani'</i>	62
2.4	Kesediaan dan Hubungan dengan Kemampuan	68
2.5	Kesediaan untuk Amr Makruf dan Nahi Mungkar	72
2.6	Kesediaan dan Pengecualian Hukum Syarak	77
2.6.1	Tiada Ilmu atau Awal Islam	77
2.6.2	Ketidakmampuan dalam Hukum Syarak	79
2.6.3	Kesulitan dan Kesukaran Undang-undang Islam	84
2.6.4	Paksaan Dalam Undang-Undang	86

**BAB III - JABATAN KEHAKIMAM SYARIAH MALAYSIA (JKSM)
NARATIF PEMBUAT DASAR & PELAKSANAAN DASAR**

3.0	Pengenalan	92
3.1	Bidang kuasa Pentadbiran Undang-undang Islam	92
3.1.1	Jadual Kesembilan Senarai II Senarai Negeri	93
3.1.2	Kuasa Legislatif Dewan Undang-Undang Negeri	96
3.2	Sejarah Penubuhan JAKIM	99
3.2.1	Jabatan Kehakiman Islam Malaysia	99
3.2.2	Majlis Agama Islam Negeri	104
3.2.3	Mahkamah Syariah	106
3.3	JAKIM Sebagai Penggubal Dasar	107
3.3.1	Penyelarasan dan Penyeragaman Undang-Undang	108
3.3.2	Sumbangan Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Sarak & Sivil	111
3.3.3	Cadangan Untuk Menaik Taraf Jawatankuasa Undang-undang Syarak dan Sivil	116
3.4	Sejarah Penubuhan JKSM	117
3.4.1	JKSM Sebagai Pelaksana Dasar	120
3.4.2	Fungsi dan Aktiviti Utama JKSM	122
3.4.3	Sasaran Kerja JKSM	124
3.4.4	Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia	126
3.4.5	Bahagian Pendaftaran Keurusetiaan dan Rekod	128
3.4.6	Bahagian Dasar & Penyelidikan	131
3.4.7	Program Kehakiman	135

3.4.8	Unit Integriti	137
3.4.9	Bahagian Pusat Sumber Maklumat dan Penerbitan	139
3.4.10	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi	141
3.4.11	Bahagian Latihan	144
3.4.12	Bahagian Sokongan Keluarga	148
3.5	Kesimpulan	153

BAB IV - ANALIISIS TAHAP KESEDIAAN JKSM DALAM PELAKSANAAN UNDANG JENAYAH ISLAM

4.0	Pengenalan	154
4.1	Analisis Tahap Pengetahuan Atas Kesediaan Undang-Undang Jenayah Islam	154
4.1.1	Pemahaman Ke Atas Undang-undang Jenayah Islam	155
4.1.2	Pengetahuan Undang-undang Sivil dan Islam	164
4.1.3	Pengetahuan Hakim dan Pegawai Syariah	168
4.1.4	Mahkamah, Hakim dan Pegawai yang telah ada Kemampuan	174
4.1.5	Perbezaan Bidang kuasa Mahkamah Syariah dan Sivil	180
4.1.6	Kecukupan Enakmen, Fatwa dan Undang-undang Berkaitan Jenayah	184
4.1.7	Pengetahuan tentang Fatwa, Enakmen dan Undang-undang Sivil	186
4.1.8	Penentangan Orang Bukan Islam Ke atas Syariat Islam di Malaysia	191
4.1.9	Tanggungjawab JKSM terhadap Undang-undang Jenayah Islam	201
4.1.10	Negara yang Kondusif untuk Undang-undang Jenayah Islam	205

4.1.11 Kesediaan Malaysia dalam Pelaksanaan Undang-undang Jenayah	209
BAB V - PENUTUP	
5.0 Pengenalan	212
5.1 Hasil atau Dapatan Kajian	212
5.2 Cadangan	230
5.3 Kesimpulan	235
BIBLIOGRAFI	236
LAMPIRAN	

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 1	Tema dan Sub tema	39
Rajah 2	Konsep Kesediaan	43
Rajah 3	Pembahagian Hukum <i>Taklifi</i>	52
Rajah 4	Kesediaan untuk laksana perintah	55
Rajah 5	Bentuk Kesediaan	58
Rajah 6	Taksonomi Kesediaan Hukum Syarak	89

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1	Jadual Rujukan Undang-Undang Semasa	105

SENARAI CARTA

	Halaman
Carta Pai 4.1 Pandangan Responden	175
Carta Pai 5.1 Tanda Aras Kesediaan Agensi Kerajaan	227

SENARAI SINGKATAN

AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
FMC	Federated Malay States
FMSLR	Federated Malay States Law Reports
JHEA	Jabatan Hal Ehwal Agama
IKIM	Institut Kemajuan Islam Malaysia
ILIM	Institut Latihan Islam Malaysia
ILKAP	Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan
ISTAC	Institute of Islamic Thought and Civilization
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JKSM	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JUSA	Jawatan Utama Sektor Awam
JMCL	Journal of Malaysian Comparative Law
JMBRS	Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society
JBG	Jabatan Bantuan Guaman
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.
MIC	Malayan Indian Congress
MCA	Malayan Chinese Association
MEB	Model Ekonomi Baru
MKI	Majlis Kebangsaan Islam
UMNO	United Malays National Organization

MRR	Majlis Raja-Raja
YADIM	Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia
YAPEM	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia
YAB	Yang Amat Berhormat
YB	Yang Berhormat
YBGK	Yayasan Bantuan Guaman Malaysia

PANDUAN TRANSLITERASI

Nama dan Transkripsi	Huruf Arab
a, ʿ (Hamzah)	ا, ء
b	ب
t	ت
th	ث
J	ج
h	ح
kh	خ
d	د
dh	ذ
r	ر
z	ز
s	س
sy	ش
s	ص
d	ض
t	ط
z	ظ
ʿ	ع
gh	غ
f	ف
q	ق
k	ك

l	ل
m	م
n	ن
h	ه
w	و
y	ي
h	ة

Vokal panjang

a : آ

u : و

i : ي

Vokal pendek

a (Fathah) : َ

u (dammah) : ُ

I (Kasrah) : ِ

Diftong

aw : آو

ay : آى

iy / I :

uww : و

SENARAI STATUT

Akta Pemegang Amanah 1949, Akta 208.

Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Nafkah) 1950

Akta Kontrak, 1950

Akta Keterangan, 1950

Akta Perempuan Bersuami dan Kanak-Kanak (Penguatkuasaan Nafkah 1968)

Akta Pengangkutan 1953 (Akta 257)

Akta Pembahagian 1950 (Akta 300)

Akta Wasiat 1959 (Akta 346)

Akta Pendaftaran Pengangkutan 1952 (Akta 253)

Akta Membarui Perkahwinan dan Penceraian 1976

Akta Kesalahan Jenayah (Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997)

Akta Kesalahan Jenayah (WP) [559]

Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa) 1965 (Pindaan 1988 [Akta 355]

Akta Wilayah Persekutuan 1993 [Akta 505]

Akta Probet dan Pentadbiran 1955 [Semakan] 1972]

Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Semakan 1972]

Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984)

Akta Pemegang Amanah 1949

Akta Undang-Undang Sivil 1956

Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Selangor 1952

Enakmen Wasiat (Orang Islam) Negeri Selangor 1999

Enakmen Mahkamah Syariah Sabah No 6 Tahun 2004

Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan 1993

Enakmen Jenayah Syariah (Perak) 1992

Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995

Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996

Enakmen Pentadbiran Islam Kedah 1979

Enakmen Jenayah Syariah Kedah (1983)

Enakmen Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004

Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Perak) 2004

Enakmen Wakaf Orang Islam No 7 Tahun 1999 (Selangor)

Enakmen Wakaf Orang Islam No 7 Tahun 2005 (Melaka)

Enakmen Wasiat Orang Islam No 5 Tahun 1995 (Melaka)

Enakmen Wasiat Orang Islam No 4 Tahun 1999 (Selangor)

Enakmen Wasiat Orang Islam No 5 Tahun 1999 (Negeri Sembilan)

Jadual Sembilan Senarai 1 (Senarai Persekutuan)

Jadual Sembilan Senarai 2 (Senarai Negeri)

Kanun Keseksaan (Akta 574)

Ordinan Penjualan Barang-Barang 1957

Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan

Perkara 4 (1) Perlembagaan Persekutuan

Perkara 5 (4) Perlembagaan Persekutuan

Perkara 11 Perlembagaan

Perkara 11 (1) Perlembagaan Persekutuan

Perkara 38 Majlis Raja-Raja

Perkara 74 (2) Perlembagaan Persekutuan

Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan

Perkara 76 Kuasa Parlimen Membuat Undang-Undang Untuk Negeri Dalam Hal-Hal Tertentu

Perkara 76 (4) Perlembagaan Persekutuan

Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan dikuatkuasakan pada 10hb Jun 1988.

Perkara 145 Peguam Negara

**KESEDIAAN MALAYSIA DALAM PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG
JENAYAH ISLAM: KAJIAN KE ATAS JKSM**

ABSTRAK

Kesediaan memainkan peranan utama sebelum sesuatu pelaksanaan atau tindakan dilakukan lebih-lebih lagi apabila melibatkan aspek keagamaan. Tanpa kesediaan, seseorang mungkin akan tersilap melaksanakan sesuatu tidak teratur dan memberi kesan yang negatif atau sebalik daripada yang diharapkan. Beberapa kes seperti kes liwat Sukma Darmawan (2009), kes minum arak Kartika Sari (2009) dan kes qazaf yang membabitkan kejadian liwat (2015) menunjukkan tahap yang lemah dalam kesediaan dan kemampuan Mahkamah Syariah dalam menghadapi kes-kes jenayah syariah. Justeru, kajian ini mengandungi tiga objektif utama. Pertama, konsep kesediaan dalam pensyariatan hukum syarak ke atas individu mukallaf dan pemerintah. Kedua, mengkaji peranan JKSM dalam pentadbiran sistem kehakiman dan perundangan syariah Malaysia. Ketiga, menganalisis tahap kesediaan JKSM ke arah pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam. Bagi menjayakan kajian ketiga-tiga objektif tersebut, dua kaedah pengumpulan data digunakan iaitu kajian kepustakaan dan temu bual. Kajian kepustakaan dilakukan untuk menyelidik konsep kesediaan dalam pensyariatan hukum syarak ke atas mukallaf dan pemerintah yang menyangkut dengan hukum taklifi dan wad'i yang melibatkan pelaksanaan undang-undang jenayah Islam. Kajian melalui temu bual pula dengan para hakim dan pegawai-pegawai daripada organisasi JKSM, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah, Pegawai Pendakwaan

Syariah dan Peguam cara dan Peguam bela Syarie. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah kualitatif. Keseluruhan daripada 20 orang responden iaitu mewakili 85% memperlihatkan betul-betul mempunyai kesediaan untuk melaksanakan Undang-undang Jenayah Islam berbanding 3 orang responden yang mewakili 15% masih belum yakin terhadap kesediaan untuk melaksanakan kesediaan dari aspek pengetahuan untuk melaksanakan Undang-undang jenayah Islam di negara ini.

**MALAYSIA'S READINESS TO IMPLEMENT ISLAMIC CRIMINAL LAWS:
A CASE STUDY ON JKSM**

ABSTRACT

Readiness plays a major role before any kind of implementation or action takes place, especially when it involves religious aspects. Without readiness, a person may unintentionally implement something that is unorganized and cause a negative impact or not meet an expectation. Some cases such as Sukma Darmawan's case (2009), Kartika Sari's (2009) drinking case and a qazaf case involving sodomy (2015), indicates weakness in Syariah Court's readiness and ability to deal with Shariah criminal cases. Therefore, this study has three main objectives. First, the concept of readiness in Islamic legal proceedings which involves mukallaf individuals and governments. Second, examine the role of JKSM in the administration of Malaysia's judicial system and Shariah law. Lastly, analyze the level of JKSM's readiness towards implementing Islamic Criminal Law. In order to achieve these three objectives, two research instruments were used to collect data: study the literature review and interview. The study of literature review was conducted to investigate the concept of readiness in the legalization of Islamic law on mukallaf and government, which concerns with taklifi law and wad'i that involves the implementation of Islamic Criminal Law. The interview was conducted with judges and officials from the JKSM organization; Syariah High Court Judges and Syariah Subordinate Courts; Syariah Prosecutor and Solicitor; and Syariah Advocate. The data is then analyzed using qualitative method. A total of 20 respondents representing at 85% are truly ready to implement the Islamic Criminal Law; compared to the 3 respondents representing at

15% who are still uncertain about the readiness in aspect of knowledge to implement the Islamic Criminal Law of this country.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Kesediaan merupakan kesanggupan dalam melakukan sesuatu. Mengikut sejarah politik Islam, *Bai'ah al-'Aqabah*, adalah kesanggupan orang-orang Yathrib masuk dalam satu perjanjian (*contract*) untuk patuh kepada Islam dan melantik Rasulullah SAW sebagai pemimpin mereka. Kesediaan ini merupakan tindakan yang dibuat berdasarkan ilmu sukarela dan tidak dipaksa. *Bai'ah* tersebut memberi maksud mereka berkemampuan dan sanggup untuk menerima apa-apa yang dijanjikan, dan pada masa yang sama sanggup mematuhi perjanjian tersebut. Perjanjian ini membuktikan kesanggupan masyarakat Yathrib untuk taat kepada kepimpinan Rasulullah s.a.w. menunjukkan kesediaan masyarakat Islam menerima baginda sebagai pentadbir dan ketua Negara Islam. ¹

Negara Islam merupakan negara hukum yang memiliki asas undang-undang tertentu. Undang-undangnya berbentuk prinsip-prinsip dan hukum-hukum syarak sebagaimana yang terkandung di dalam *Al-Qur'an* dan dijelaskan oleh al-Sunnah al-Nabawiyah yang diaplikasikan seluruh negara Islam. ²

¹ Lukman Thaib. (1998) *Politik Menurut Perspektif Islam*. Kajang, Selangor: Synergymate Sdn Bhd, h. 65. Mohd Mokhtar Shafie. (1993) *Sejarah Keagungan Kerajaan Islam*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, h 134-140. Zafir al-Qasimy. (1980) *Nizam al-Hukm fi al-Syariah wa al-Tarikh al-Islam*. Beirut: Dar al- Nafais, h: 47. Abdul Halim El-Muhammady. (1993) *Perkembangan Undang-Undang Islam dari Zaman Rasulullah s.a.w hingga Zaman Penjajahan Barat*. Petaling Jaya, Selangor: Budaya Ilmu Sdn Bhd, h. 20-21. Abdul Kadir Audah. (1959). *Islam Dan Perundangan Undangan* (Firdaus A.N) Jakarta: Penerbitan Bulan Bintang, h.: 20.

² Yusof al-Qaradhawi (2002), *Fiqh Kenegaraan* . Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn Bhd, h. 31. Al-Ustadah Sa'id Hawwa (1988) *Beberapa Pelajaran Dalam 'Amal Islam 2*. Kuala Lumpur: h: 33-49.

Sebagai seorang individu *mukalaf* secara fitrah, tanggungjawabnya menerima amanah (*primodial contract*) sebagai hamba Allah iaitu beribadat kepada Allah. Mencari keredaan Allah. Taat kepada perintah Allah. Berbuat baik kepada semua makhluk Allah dan tidak melakukan fasad. Manakala sebagai Khalifah di Bumi ia merupakan amanah tugas sebagai Pemimpin. Pengurus, Pentadbir, Penguasa dan Pemegang Amanah. Memakmurkan dunia. Melaksanakan hukum Allah SWT.³

Dalam konteks *ad-din* ia menggariskan peraturan untuk urusan individu (*mukallaf*) dan urusan dunia/kemasyarakatan. Urusan individu *ditaklifkan* dengan ibadah khusus (*Ubudiyyah*) iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Manakala dalam urusan dunia/masyarakat ia melibatkan ibadah umum (*mu'amalat*). Matlamat kedua-dua elemen tersebut ialah untuk mendapatkan kesejahteraan dunia dan akhirat yang bermatlamat "*Al-Falah*"⁴

1.1 Latar Belakang Kajian

Setiap individu Muslim mengakui bahawa mereka dijadikan oleh Allah SWT, kemudian dianugerahkan iman dan Islam supaya dapat mengabdikan diri kepadaNya. Untuk mendapatkan kesejahteraan di dunia dan akhirat, manusia mesti sedia untuk patuh kepada syariat. Dua hubungan kepatuhan yang dinilai oleh agama, iaitu; Pertama: hubungan yang bersifat vertikal iaitu hubungan manusia dengan Allah. Kedua: hubungan yang bersifat horizontal iaitu hubungan manusia sesama manusia dan alam sekitar.⁵ Manusia hendaklah sanggup sedia untuk menjaga hubungan baik

³ Mohd Afandi Hassan (1990) *Pendekatan Tauhid Dalam Pengurusan Dan Pentadbiran Awam: Konsep, Prinsip, dan Model Alternatif*. Kuala Lumpur: Percetakan Negara Kuala Lumpur, h 1-60.

⁴ Mohd Afandi Hassan (1990), *Ibid* h 60.

⁵ Humadi Tatapangarsa (1981) *Akhlaq Yang Mulia*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, h 13.14, 15.

dengan kedua-duanya, berdasarkan pada norma-norma moral yang baik, kerana dalam hubungan ini manusia perlu ada ilmu pengetahuan supaya mampu mengetahui, kaedah kepada Allah dan kaedah bergaul sesama manusia.

Kewujudan undang-undang adalah satu kaedah ialah untuk mengatur manusia berbuat baik kepada semua makhluk Allah dan tidak melakukan fasad terhadap masyarakat dan alam sekitar.⁶ Undang-undang ialah satu peraturan yang digubal oleh kerajaan dan mesti dipatuhi oleh masyarakat dalam sesebuah negara.⁷ Ia sebagai agen kawalan ke atas segala tindak-tanduk anggota masyarakat supaya dapat menerapkan norma-norma hukum orang diatur dan disediakan bagi mengawal serta membentuk manusia dan kemanusiaan yang direcai oleh Allah SWT.⁸ Secara tidak langsung ia menyediakan asas kesediaan kepada manusia untuk patuh kepada sesuatu sistem.

Dari sudut lain, kesediaan pelaksanaan undang-undang yang seragam mampu menyatupadukan semua lapisan masyarakat Islam lelaki dan perempuan sekali gus dapat menjamin penerimaan/pematuhan. Undang-undang yang baik adalah undang-undang yang mampu mengambil kira keperluan rakyat dapat menjadi mekanisme kawalan masyarakat yang berkesan. Oleh yang demikian, tanpa penerimaan orang

⁶ Mohd Afandi Hassan (1990) *op cit* h 60.

⁷ Abdul Kadir Audah. (1959), *ibid*, h. 28. Noresah Baharom. (2007) ***Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka Edisi Keempat***, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h 1768. Laird, C. (1995) ***Webster's New Dictionary & Thesaurus***. Houston: Webster's New World, h 223- *Law (naun). Rule binding on a community, systems knowledge of it, administration of it; general principle deduced from facts; in variable sequence of events nature.*

⁸ Mohamad Akran Laldin. (2006) ***Islamic Law: An Introduction***. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia, h. 1-54. Abdullah Ishak (1997), ***Sumber Perundangan Islam dan Tanggjawab Muslim***, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, h. 39-40. Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1992), ***Sejarah Pembinaan Hukum Islam***, Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, h. 7. Ahmad Kamaruddin Hamzah (1989), ***Pengantar Undang-Undang Jenayah Syariah***. Kuala Lumpur: Al-Rahimah, h. 1-4. A.Hasmy. (1985) ***Sejarah Kebudayaan Islam***. Jakarta: PT Bulan Bintang, h. 84-90. Mira Fauziah. (2007) ***Dinamika Problematika Penerapan Syariat Islam***. Nanggroe, Aceh: Dinas Syariat Islam, h. 2-22.

ramai sekalipun, undang-undang tetap dapat dikuatkuasakan oleh pemerintah kerana ia mempunyai elemen paksaan.⁹

Dari aspek ini, manusia dipaksa untuk menelusuri kesediaan dan kepatuhan. Perkara ini sesuai dengan pengertian dan sifat perundangan Islam yang bermaksud penyusunan, penggubalan atau mengatur sesuatu peraturan bagi menentukan atau menetapkan hukum. Dalam bahasa Arab, perkataan ini biasa disebut sebagai التشرية (al-Tasyri')¹⁰. Menurut istilah syarak, perundangan Islam ialah ketetapan hukum-hukum yang berpandukan pada *khitab* Allah dan sunnah rasul-Nya yang kemudiannya ditafsir oleh mujtahidin yang terdiri daripada para sahabat, tabi'in dan para ulama semasa menerusi kaedah pentafsiran nas. Hasil daripada pentafsiran tersebut akan dikanunkan sebagai peraturan dan pandangan hukum untuk dilaksanakan ke atas seluruh manusia khususnya umat Islam.¹¹ Penggubalan yang dihasilkan berpandukan sumber-sumber tersebut. Secara umumnya *fuqaha* Islam menyatakan bahawa ia adalah suatu ketetapan hukum yang ditasyrie'kan oleh Allah SWT ke atas hamba-hamba-Nya iaitu wajib dipatuhi dan beriman kepada perintah-Nya untuk mencapai kesejahteraan hidup yang hakiki di dunia dan akhirat.¹²

Jumhur fuqaha sepakat memperakukan bahawa, perundangan Islam atau perundangan rabbani mempunyai ciri atau sifat yang *quddus* atau suci mencapai tahap kesempurnaan serta penyesuaiannya pada sebarang masa, tempat dan keadaan. Antara

⁹ Abdul Aziz Bari. (2006) *Perlembagaan Malaysia Asas-Asas dan Masalah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h 154-155.

¹⁰ Abu Husny. (1987) *Pembinaan Perundangan Islam*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, h 14-15. التشرية (pensyariatan) (hukum). Dewan Bahasa dan Pustaka. (1992) *Glosari Usul Fiqh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h 17.

¹¹ Abdullah Ishak (1997). *op cit*, h. 39-40.

¹² Abdullah Ishak (1997). *ibid*, h 39-40. Robinson, N. (1999) *Islam: A Concise Introduction*. Washington: Georgetown University Press, h 149-160.

ciri-ciri atau sifat ialah identiti perundangan itu sendiri bersumberkan *Al-Qur'an*, al-Sunnah, *ijma'* dan *qiyas*. Hukum-hukum yang diambil dari sumber-sumber tersebut wajib diikuti tertakluk atau berdasarkan kemampuan seseorang *mukallaf*. Dalam konteks hukum *taklifi* iaitu hukum yang dibebankan ke atas *mukallaf* sama ada wajib, sunat, haram, makruh atau harus dan hukum *wad'ie*, iaitu hukum berdasarkan ketetapan syarak iaitu apabila ada sebab dan syarat maka hukum itu dikenakan ke atas *mukallaf*.

Pensyariatan perundangan Islam ini dalam bentuk hukum dan undang-undang adalah untuk sepanjang zaman. Untuk menjamin kesempurnaan hidup manusia sama ada dari segi kekeluargaan, kemasyarakatan, pendidikan, perekonomian mahupun pentadbiran dan siasah, Allah SWT telah mengutus Nabi Muhammad s.a.w. bagi mengawal dan memandu mereka ke jalan yang benar dengan seruan dakwah di samping diperkukuhkan dengan peraturan dan undang-undang. Rasulullah s.a.w. diutus untuk membawa rahmat serta kebaikan kepada seluruh alam, Allah SWT menjelaskan dalam firman-Nya seperti yang terdapat dalam (Surah al-Anbiya': 107)

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾

107. Dan tiadalah Kami mengutuskan Engkau (Wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

(Surah al-Amniya: 107)¹³

¹³ Surah al-Anbiya' : 107.

Motif rahmat kepada sekalian alam bermatlamatkan untuk menjamin kemaslahatan individu dan kelangsungan masyarakat bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat menurut keredaan Allah SWT. Oleh itu, perundangan Islam amat berbeza dengan semua aspek dari perundangan ciptaan manusia yang serba serbinya lemah dan pincang.

Dalam konteks pelaksanaan perundangan Islam, terutamanya undang-undang jenayah Islam, tindakan atau penguatkuasaannya tidak mengambil sikap melampau, “kerana sesungguhnya Allah tidak suka orang-orang yang melampaui batas”. Justeru untuk menghormati nyawa manusia dan makhluk yang lain prinsip sikap toleransi (*tasamuh*),¹⁴ tidak dikesampingkan bagi tujuan mengambil kira kemampuan ke atas seseorang *mukallaf* dalam pentaklifan yang sesuai dengan tuntutan lahiriah, kehendak naluri, fitrah asal serta keperluan manusia.¹⁵ Sifat toleransi Islam ini boleh dilihat sejak awal kedatangan Islam yang berlaku secara berperingkat. Dalam erti kata lain, proses pembentukan perundangan Islam adalah melalui tempoh yang panjang dan berperingkat tertentu yang mempunyai pendekatan yang *tasamuh* bagi meraikan keadaan semasa.¹⁶

Dalam peringkat permulaan, Allah SWT telah menurunkan ayat sekadar memberi nasihat dan peringatan agar mereka berfikir secara serius. Pada peringkat

¹⁴Surah al-Baqarah ayat 190. Dikutip daripada Zul-Kifli bin Hussin. (2013) *Tasamuh Dalam Undang-Undang Jenayah Islam: Satu kajian Terhadap Persepsi Pelajar-Pelajar Bukan Islam di IPTA Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia, h. 51-52. Bu’ud Ahmad. (2006) *Fiqh al-Waqi: Usul wa Dawabit*, Kaheerah: Dar al-Salam, h 73. Siddiq Fadzil. (2015) *Islam Dan Kenegaraan*, KDH/IDE/WADAH: 15082015, h. 2.

¹⁵ Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1992), *op cit*, h. 21. Abdul Latif Muda (2003), *Sejarah Perundangan Islam dan Mazhab Fiqh*, Kuala Lumpur: Prospecta Printers Sdn Bhd, h. 3. Sidiq Fadhil (2015), *ibid*, h. 2.

¹⁶ Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1992), *ibid*, h. 20; Mahayudin Hj Yahaya & Ahmad Jelani Halimi (1993), *Sejarah Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd, h. 115; Abdul Latif Muda (2003), *ibid*, h. 4

kedua, Allah SWT menurunkan ayat yang mengehendkan masa kegiatan minum arak terutama ketika beribadat. Setelah selesai *Al-Qur'an* memberi peringatan terhadap bahaya minum arak, kemudian diikuti dengan larangan minum arak pada masa yang tertentu, maka akhirnya barulah *Al-Qur'an* menjelaskan tentang hukum pengharaman arak ini secara keseluruhannya kerana bahayanya yang besar terhadap perhubungan manusia dan keamanan masyarakat.¹⁷

Kronologinya, Islam menekankan ilmu pengetahuan, pemahaman dan kepercayaan (akidah) dahulu pada tahun-tahun terawal kedatangannya sebelum masuk fasa pelaksanaan kepada iman, iaitu syariah.¹⁸ Selepas zaman Madinah dan zaman Sahabat, perkembangan ilmu tentang perundangan Islam serta perkembangan *fiqh* berlaku dengan pesat sekali bermula pada awal kurun kedua Hijrah yang mana antara lain mengambil masa hampir 250 tahun.¹⁹ Pada waktu ini, tafsiran hukum dan pelaksanaannya menjadi perbincangan fuqaha khususnya bagi memadankan pensabitan nas dan perintah syarak. Adakah nas yang tersurat wajib dilaksanakan secara mandatori oleh umat Islam atau bergantung kepada keadaan dan situasi? Elemen ini menjadi perbincangan dari zaman dahulu sehingga sekarang.²⁰

¹⁷ Abu Husny (1987), *Pembinaan Perundangan Hukum Islam*, Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, h. 14- Sdn Bhd, h 1022. Abdullah Ishak (1997), *op cit*, h 47-59. Abdul Halim El-Muhammady (1993), *Perkembangan Undang-Undang Islam dari zaman Rasulullah s.a.w. hingga zama penjajahan Barat*. Selangor: Budaya Ilmu Sdn Bhd. 18 -19.

¹⁸ Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1992), *op cit*, h. 21. Mohd Mokhtar Shafie (1993), *Sejarah Kecemerlangan Kerajaan Islam*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, h. 303-363. Abdul Latif Muda (2003), *op cit*, h. 3

¹⁹ Mira Fauziah, *et.al* (2007), *op cit*, h, 29. Abdullah Ishak, (1997), *op cit*, h. 187. Kitab *al-Majallat al-Ahkam al-'Adliyat* ini bercorak Fiqih Hanafi, Disusun pada tahun 1869-1876 M, dan diplikasikan di seluruh wilayah Turki Usmani. Alaidin Koto (2006). *Ilmu Fiqh Dan Usul Fiqh*. Jakarta: Rajawali Press, h, 13-20

²⁰ Alaidin Koto. (2006), *ibid*, h 13-20. Abdul Latif Muda dan Rosmawati Ali @ Mat Zain. (1997) *Pengantar Fiqh Islam*. Kuala Lumpur: Prospecta Printers Bhd Mukim Batu, h. 2

Secara umumnya, perundangan Islam merupakan ketentuan syariat yang telah ditetapkan oleh Allah SWT untuk melaksanakannya, Semua umat Islam yang *mukallaf* sama ada lelaki dan perempuan telah dipertanggungjawabkan (*ditaklifkan*) untuk mematuhi mengikut kemampuannya.²¹ Justeru, semua hukum-hukum tersebut ada kalanya disebut secara jelas serta tegas dan ada kalanya pula hanya dikemukakan dalam bentuk dalil-dalil dan kaedah-kaedah secara umum. Hukum Islam dalam bentuk ini disebut wahyu murni atau *النصوص المقدسة* yang memerlukan pentafsiran fuqaha.²² Bagi pemerintah, mereka kebiasaannya bertindak atas nasihat daripada ulama dalam kerajaan. sehubungan itu, Islam mementingkan gandingan yang baik antara ulama dan *umara'* (pemerintah). Kedua-duanya adalah merupakan penyambung tugas yang ditinggalkan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai pesuruh Allah dan khalifah.²³

Setelah Rasul diutus dan peraturan-peraturan tersebut telah sampai kepada manusia, maka dari saat itu, manusia *ditaklifkan* untuk mematuhi segala perintah tersebut dalam segala tindakan yang mereka lakukan. Mereka dituntut untuk melakukan segala yang diperintah dan meninggalkan semua yang dilarang.²⁴ Begitulah setelah Rasul wafat, tugas ini akan disambung oleh ulama dan *umara'* melalui undang-undang yang dikuatkuasakan mestilah berorientasi kemaslahatan umat yang ingin dicapai dan menjauhi kemudaratan yang mungkin akan berlaku.²⁵ Ulama mujtahid atau fuqaha akan berijtihad dan menasihati *umara'* berkenaan pelaksanaan hukum-hakam yang berkaitan dengan hukum syarak. Manakala *umara'* menguruskan

²¹ Mukhsin Umar. (2001) *Al-Masalih al-Mursalat Satu Kaedah Istinbad Hukum dan Kesesuaiannya dengan Pembaharuan Hukum Islam*. Tesis Doktor Falsafah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Pulau Pinang, h. 7. Abdul Latif Muda dan Rosmawati Ali @ Mat Zain (1997), *op cit*, h. 2

²² Abd Al-Wahab Khallaf, (1972) *Al-Majlis al-'Ala al-Indonesia li al-Dakwah al-Islamiyyah*, Jakarta: h 11. Alaidin Koto (2006), *op cit*, h.1

²³ Alaidin Koto (2006), *op cit*, h. 40

²⁴ Alaidin Koto (2006), *op cit*, h. 40

²⁵ Alaidin Koto (2006), *op cit*, h. 40

pentadbiran dan pengurusannya. Oleh itu, proses ini memerlukan kesediaan dan persediaan yang rapi. Kesediaan yang ikhlas, iaitu; mahu, mampu serta sanggup menyambung tugas para nabi dan rasul dalam erti kata kesediaan ilmu pengetahuan, rohani, mental, fizikal supaya sanggup menggalas tugas-tugas yang diamanahkan.²⁶

Sehubungan itu, undang-undang Islam bersifat *murunah* atau fleksibel atau anjal untuk berhadapan dengan perkembangan semasa. Hal ini menjadikan sistem perundangan Islam adalah bersifat induktif (iaitu dimulai dari hal yang bersifat khusus, kemudian disimpulkan secara umum) dan deduktif (iaitu kaedah yang bersifat umum kemudian disimpulkan secara khusus).²⁷

Di samping matlamat pelaksanaan syariat Islam ke atas manusia untuk mencapai maslahat, penetapan ke atasnya juga melihat kepada keutamaan (*awlawiyyat*).²⁸ Keutamaan ini adalah berdasarkan lima kepentingan (*al-maslahat al-khamsah*) yang ingin dicapai dalam kehidupan manusia iaitu penjagaan agama, nyawa, akal, maruah dan harta. Justeru, untuk mengawal dan melindunginya, Allah S.W.T telah menurunkan syariat yang mengandungi perintah dan larangan tentang sesuatu. Firman Allah S.W.T:

وَأَنْ أَحْكَمَ بَيْنَهُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ وَأَحْذَرَهُمْ أَنْ يَفْتِنُوكَ عَنْ بَعْضِ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ إِلَيْكَ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَاعْلَمُوا أَنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ أَنْ يُصِيبَهُمْ بِبَعْضِ ذُنُوبِهِمْ وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ النَّاسِ لَفَاسِقُونَ ﴿٤١﴾

²⁶ Alaidin Koto (2006), *op cit*, h. 41

²⁷ Mohd Daud Bakar (1997), *Kerja Kerja Seminar Hukum Islam Semasa Peringkat Kebangsaan* 17, 18 Jun 1997 bertajuk: *Hukum Islam Antara Prinsip Syariah dan Perbendaharaan Fiqh*, Jabatan Fiqh dan Usul Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 1.

²⁸ Yusof al-Qaradawi (1996), *Fiqh Keutamaan*. Sungai Dua, Selangor: Thinker's Library Sdn Bhd, h. 1-3, 25-29.

49. Dan hendaklah Engkau menjalankan hukum di antara mereka Dengan apa Yang telah diturunkan oleh Allah dan janganlah Engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka, dan berjaga-jagalah supaya mereka tidak memesongkanmu dari sesuatu hukum Yang telah diturunkan oleh Allah kepadamu. kemudian jika mereka berpaling (enggan menerima hukum Allah itu), maka ketahuilah, Hanyasanya Allah mahu menyiksa mereka Dengan sebab setengah dari dosa-dosa mereka; dan Sesungguhnya kebanyakan dari umat manusia itu adalah orang-orang Yang fasik.

أَفْحُكْمَ الْجَاهِلِيَّةِ يَبْغُونَ^{٥٠} وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ حُكْمًا لِقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿٥١﴾

50. Sesudah itu, Patutkah mereka berkehendak lagi kepada hukum-hukum jahiliyah? padahal - kepada orang-orang Yang penuh keyakinan - tidak ada sesiapa Yang boleh membuat hukum Yang lebih pada daripada Allah.

(Surah al-Maidah: 50)²⁹

Jelasnya, nas syarak telah memuatkan hukum-hakam yang wajib dipatuhi oleh umat Islam, iaitu umat Islam atau pemerintah Islam hendaklah memiliki kesediaan untuk melaksanakannya dalam kehidupan di dunia ini.³⁰ Pelbagai kemungkaran dan maksiat telah berlaku di dunia ini yang memerlukan penyelesaian secara syarak.³¹ Dalam mengawal tindak tanduk atau perilaku anggota masyarakat, pemerintah dan rakyat tidak boleh memilih alternatif lain selain daripada yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Pelaksanaan terhadap hukum dan undang-undang itulah yang menjadi

²⁹ Surah al-Maidah: 49-50 ; Yusuf al-Qaradhawi (2002), *op cit*, h 30-33

³⁰ Yusuf al-Qaradhawi (2002), *op cit*, h. 33

³¹ Yusuf Al-Qaradhawi (2002), *op cit*, h. 31

ukuran dan bukti ketakwaan dan keimanan pemimpin negara atau pemerintah dan rakyat jelata.³²

Berdasarkan daripada latar belakang di atas, dalam tesis ini pengkaji akan menumpukan penyelidikan kepada kesediaan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dalam melaksanakan undang-undang yang disyariatkan oleh Islam di negara ini. Perbahasan ini akan mengambil pertimbangan semua aspek pendalilan fekah yang bersumber ilmu *Usul Fiqh*.³³

1.2 Permasalahan Kajian

Kajian ini dilakukan kerana berasaskan beberapa masalah yang dikenal pasti berkisar tentang isu pengetahuan/kemampuan/keupayaan dan kesediaan/kesanggupan dalam konteks pelaksanaan undang-undang jenayah Islam ini, iaitu:

- i. Polemik dalam perlaksanaan undang-undang jenayah Islam di Malaysia adalah kerana salah satunya elemen kesediaan manusia untuk melaksanakan perintah Allah SWT berbeza antara mukmin yang taat dan sebaliknya atau antara yang faham atau tidak. Mukmin yang taat akan sanggup, rela dan mahu melakukan segala perintah dan menjauhi segala larangan, tetapi sebaliknya bagi mukmin yang munafik dan fasik mereka sentiasa mencari helah atau jalan untuk tidak mematuhi. Keadaan ini mencetuskan perbezaan kepatuhan dalam agama

³² Yusuf Al-Qaradhawi (2002), *op cit*, , h. 31

³³ Al Ahmad Al-Nadwi (1993), *Al-Qawaid al Fiqhiyyah*. Damsik: Dar al-Qalam, h 302, Jaih Mubarak (2002), *Kaedah Fiqh Sejarah Dan Kaidah Asasi*. Jakarta: PT Rajagrafindo, h.139. H. Satria Effendi dan M.Zein (2005) *Ushul Fiqh*. Jakarta: Prenada Media, h.36-43. Alaidin Koto. (2006) *op cit*, h.40-43. Abbas Husni Mohamad (1996) *Perkembangan Fiqah Islam* (Mohd Asri Ibrahim) terj. Kuala Lumpur: Yayayan Dakwah Islamiyah Malaysia, h. 26-27. Jalaluddin Abdul Rahman. (911H) *Al-Asbahu wa al-Nazairi*. Beirut Lubnan, h. 102. Hassan Salleh. (1975) *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah (Prinsip-Prinsip Fiqh Islam)*, Kelantan: Pustaka Aman Press, h. 68. Fahrul Irfan Ishak (2006), *Fiqh Al-Waqi' Fiqh Memahami Isu-Isu Semasa*. Johor: Perniagaan Jahabersra, h xi. Hassan Ahmad. (1998) *Usul Fiqh*, Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, h. 39 dan 589.

sama ada di peringkat individu atau kumpulan (parti yang memerintah) sehingga ada yang tidak solat, tidak puasa, tidak menutup aurat, menerima rasuah, terlibat dengan aktiviti perjudian, pecah amanah dan sebagainya.³⁴

- ii. Sebahagian manusia sering tersilap hitungan berhubung tahap kemampuan atau kesediaan sendiri dalam melakukan sesuatu, terutama dalam hal yang berat seperti menjadi imam, menguruskan jenazah dan memberi tazkirah di surau atau masjid. Mereka akan mengatakan masih belum mampu atau tiada kesediaan. Jika perkara ini dalam keadaan memilih (harus) tidaklah menjadi isu, tetapi jika perkara ini dalam hukum yang wajib, maka pengetahuan dan pemahaman tentang kesediaan, kemampuan dan kesanggupan perlu diketahui dengan terperinci. Dalam isu tuntutan hukum syarak, ada perkara syarak yang mempertimbangkan tuntutan kewajibannya berdasarkan kemampuan manusia dan ada perkara yang ia diwajibkan tanpa melihat kemampuan manusia. Dalam menanggapi persoalan ini, masyarakat kadangkala melakukan "serkap umum" ke atas kelonggaran syarak tersebut tanpa melihat kepada perkara sebenar yang dibincangkan.³⁵
- iii. Kemampuan dan keupayaan seseorang atau negara dalam melakukan sesuatu bukan sahaja dapat dilihat oleh diri sendiri tetapi ia juga dapat dinilai secara luaran daripada orang lain. Pada hari ini, desakan ke arah melaksanakan undang-undang jenayah Islam sering mendapat tindak balas yang bercampur-baur

³⁴ Hamidi Tatapangarsa (1980), *Akhlaq Yang Mulia*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, h 20-25. Imam al-Ghazali (1079) *Keajaiban Hati*. Singapura: Pustaka Nasional Singapura, h 82. Al-Ustadh Said Hawwa (1988), *Beberapa Pelajaran Dalam 'Amal Islam 2*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, h 65-67

³⁵ Haji Hassan bin Hj Ahmad (1998) *Usul Fiqh*. Kuala Lumpur Pustaka Haji Abd Majid, h 33,42,90

daripada pihak-pihak berkenaan. Ada pihak yang menyatakan berkemampuan untuk melaksanakannya, dan ada pihak yang menyatakan belum mampu/tidak berkeupayaan. Tetapi dalam konteks global yang lebih mencabar, ada pihak yang menyatakan "Malaysia Boleh!" dalam segenap segi seperti tindakan Ahli Parlimen Marang Datuk Seri Abdul Hadi Awang membentangi pindaan Rang Undang-Undang Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa) Akta 355 pada sesi akhir persidangan Dewan Rakyat pada 16hb Oktober 2017.³⁶

- iv. Persepsi masyarakat terhadap penerimaan kepada hukum syarak, khususnya undang-undang jenayah Islam adalah tidak jelas dan bercampur-baur. Sejauh mana kesediaan kemampuan dan kesanggupan mereka dalam menerima hukum Islam tersebut untuk dilaksanakan hanya terungkap melalui kenyataan politik pemimpin-pemimpin parti tanpa dilihat kesediaan akar umbi ke atas undang-undang jenayah Islam ini. Kadangkala mainan media massa menyebabkan momokan persepsi ke atas kesediaan untuk pelaksanaan undang-undang ini tidak begitu jelas. Justeru, persoalan kesediaan atau kesungguhan yang berasas daripada niat atau *qasad* yang ikhlas dalam hati ini perlu dicapai melalui penyelidikan.³⁷
- v. Perkembangan pelaksanaan undang-undang jenayah Islam sejak zaman penjajahan sehingga kini adalah sangat perlahan. Rangka bidang kuasa kesalahan dan hukuman yang terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah seolah-olah tiada perubahan ketara sekalipun kemerdekaan negara telah

³⁶ Persidangan Dewan Rakyat pada 16 Okt 2017. *Pembentangan Usul RUU 355*. Dibawa oleh Ahli Parlimen Marang tanpa bahas atas arahan Spekar Dewan Rakyat.

³⁷ Akhbar Amanah: Tajuk: RUU 355: *Bukan Sahaja Ikhlas Tetapi Perlu Bijak*. Ruangan Nasional Edisi 22 bertarikh 23-29 Okt 2017

mencapai usia 60 tahun. Pihak JKSM menyedari konflik undang-undang Sivil dan Syariah³⁸ Fenomena ini menyebabkan perkembangan pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam menjadi sempit, khususnya dari sudut bidang kuasa. Keadaan yang statik ini telah memperlihatkan tiada kesediaan dan kesanggupan dicapai oleh pemerintah untuk melaksanakan undang-undang Islam sejak mencapai kemerdekaan. Namun, adakah benar sedemikian? ini kerana sebahagian pimpinan politik menyatakan keinginan untuk melaksanakannya. Begitu juga dari segi struktur pentadbiran kehakiman syariah di Malaysia kelihatan seolah-olah tidak tersusun dan sistematik. Misalnya: Pertama; Isu kontroversi hukuman sebat ke atas Kartika Seri Dewi Shukarno di Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan, Pahang bagi kesalahan minum arak.³⁹ Kedua; kes murtad (kembali kepada agama Buddha) Siti Fatimah Tan Abdullah lawan Tan Eee Huang [2009] JH/ 27 II. Ketiga: Kes Azlian Jailani @ Joy lawan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Keempat: Kes Indira Gandhi lawan Muhammad Redhuan & Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Perak.⁴⁰ Kontroversi dan komentar daripada para pengamal undang-undang, masyarakat dan media massa di dalam dan luar negara telah menimbulkan tanggapan negatif terhadap sistem kehakiman dan perundangan Syariah Malaysia. Sejauh mana tahap kemampuan Jawatankuasa Teknikal Hukum Syarak dan Sivil, JAKIM dan

³⁸ Abdul Aziz bin Abdul Rahman (2015) Asas Pembinaan Negara Menurut Perlembagaan Persekutuan Dari Aspek Agama Islam. Kuala Lumpur: Seminar Undang-Undang Dan Perlembagaan Grand Seasons Hotel. h:1-9.

³⁹ Shahrulanoor Ishak Minum Arak. Model didenda, disebat. Kosmo (21Julai 2009); Kosmo. Cepat Sebat Saya: Rayuan model sambilan yang dihukum kerana minum arak di hotel. (23 Julai 2009)

⁴⁰ Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim. (2015) *Perlembagaan Negara, Konflik Undang-Undang Syariah dan Cadangan Penyelesaian*. Kuala Lumpur: Seminar di Hotel Grand Seasons h. 19.

JKSM sedang berusaha untuk menangani kes-kes jenayah yang lebih besar seperti pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam.⁴¹

Undang-undang Islam seharusnya menjadi teras kepada sistem perundangan di Malaysia kerana Perlembagaan Persekutuan memberi kedudukan istimewa kepada Islam sebagai agama bagi Persekutuan seperti yang termaktub dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan. Justeru, satu kajian akan dijalankan untuk isu-isu dan konflik Undang-Undang Sivil dan Syariah.⁴²

1.3. Objektif Kajian

Objektif kajian ini yang telah digariskan adalah:

- i. Mengkaji konsep kesediaan dalam pensyariatan hukum syarak ke atas individu *mukallaf* dan pemerintah.
- ii. Mengkaji Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dalam pentadbiran sistem kehakiman dan perundangan Syariah Malaysia.
- iii. Menganalisis tahap kesediaan JKSM ke atas pelaksanaan undang-undang jenayah Islam.

1.4. Persoalan Kajian

Berasaskan objektif di atas, beberapa persoalan kajian perlu dirungkai dalam kajian ini iaitu:

- i. Apakah maksud kesediaan?

⁴¹ Ahmad Fairuz bin Sheikh Abdul Halim (2015) *Ibid*, h 3, 18, 26. Ibrahim Lembut (2015) *Penyeragaman Undang-Undang Islam Di Malaysia: Antara Realiti Dengan Harapan*. Seminar Undang-Undang dan Perlembagaan. Kuala Lumpur: Hotel Grand Seasons. h, 1-9.

⁴² Ahmad Fairuz bin Sheikh Abdul Halim (2015) *Ibid*, h 3, 18, 26.

- ii. Adakah *mukallaf* perlu mempunyai kesediaan terlebih dahulu sebelum melaksanakan sesuatu perintah syarak, atau tidak?
- iii. Sejauh mana elemen kemahuan dan kemampuan dijadikan asas dalam pensyariatian hukum syarak?
- iv. Pada zaman Rasulullah SAW dan Sahabat, sejauh mana baginda/Sahabat memberi pertimbangan mengenai kesediaan umat Islam pada ketika itu untuk melaksanakan sesuatu syariat?
- v. Bagaimana kes-kes dan undang-undang jenayah syariah pada zaman Rasulullah/Sahabat ditangani?
- vi. Apakah yang dilakukan oleh Rasulullah/Sahabat untuk membentuk kesediaan umat Islam dalam menerima hukum syarak?
- vii. Terdapat berapa agensikah yang terlibat dalam penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang jenayah di Malaysia?
- viii. Sejauh manakah tahap kesediaan para pegawai di agensi terlibat ke arah pelaksanaan undang-undang jenayah Islam?
- ix. Apakah kayu ukur yang dilihat oleh agensi berkaitan dalam meletakkan tahap kesediaan dan kemampuan mereka untuk melaksanakan undang-undang yang berasaskan hukum syarak di negara ini?

1.5. Kepentingan Kajian

Kajian ini penting iaitu:

- i. bagi mengetahui status atau tahap kesediaan, kemampuan dan kesanggupan dalam melaksanakan hukum syarak dalam konteks negara ini.

- ii. supaya penemuan kajian dapat memberi induksi kesediaan masyarakat dan kerajaan pada kehendak (*political will*) ke arah pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam dengan tepat.
- iii. bagi menunjukkan tanda aras tahap kesediaan JKSM dalam pelaksanaan undang-undang jenayah Islam.

1.6. Skop Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, skop dan penyelidikan adalah seperti;

- 1.6.1 Penyelidikan yang dimaksudkan ialah tentang “Kesediaan Malaysia Dalam Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam yang terkandung dalam hukum hudud. Kajian memfokuskan kepada individu (*mukallaf*) dan JKSM tentang pengetahuan, kemampuan dan kesanggupan.
- 1.6.2 Justifikasi pemilihan undang-undang jenayah Islam adalah kerana ia menjadi isu yang berlarutan dalam politik di negara semenjak negara mencapai kemerdekaan tanpa penyelesaian yang melibatkan Jabatan JAKIM sebagai pembuat dasar dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia sehingga saat pembentangan usul RUU 355 diluluskan. Penelitian ini memfokuskan kepada 4 zon iaitu Putrajaya, Kelantan, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- 1.6.3 Natijah atau justifikasi pemilihan Responden yang dalam kajian ini dibataskan kepada 20 orang, terdiri daripada para pegawai JKSM, Pegawai Pendakwa Syarie, Hakim Mahkamah Tinggi Mahkamah Rendah dan Peguam Syarie. Persoalan yang mungkin timbul adalah kenapa mereka ini dipilih menjadi responden sedangkan situasi semasa ia lebih menonjol dibincang pengamal undang-undang, ulama, tokoh politik dan Badan Bukan Kerajaan

(NGO). Ketetapan pemilihan responden dibuat berdasarkan semua responden yang dipilih merupakan pakar dalam bidang undang-undang jenayah Islam yang berperanan sebagai agensi pelaksana dasar.

- 1.6.4 Batasan Lokasi Kajian. Lokasi kajian telah ditetapkan sebanyak 4 zon. Responden tersebut terdiri 8 orang daripada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Putrajaya. Negeri Kelantan: Hakim Mahkamah Tinggi dan Rendah Syariah jumlah 2 responden. Pegawai Pendakwa Syariah 1 orang. Peguam bela dan Peguam cara 1 orang. Pulau Pinang: Hakim Mahkamah Tinggi dan Rendah Syariah 2 responden. Pegawai Pendakwa Syariah 1 orang. Peguam bela dan Peguam cara 1 orang. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Hakim Mahkamah Tinggi dan Rendah Syariah 2 responden. Pegawai Pendakwa Syariah 1 orang. Peguam bela dan Peguam cara 1 orang.⁴³

1.7. Sorotan Literatur

Kepentingan penulisan sorotan literatur memang tidak perlu dinafikan kerana ia memberi manfaat kepada para penulisan dan penyelidikan. Antara manfaat yang tersebut ialah, Pertama; Penulisan sorotan literatur dapat menjelaskan bahawa suatu kajian itu telah pun dibahaskan sebelumnya. Kedua; melalui sorotan literatur dapat mengetahui jurang pengetahuan (*knowledge gap*) yang masih ada sehingga penyelidikan yang seterusnya dapat dilakukan sempurna.⁴⁴

Penelitian sorotan literatur akan melihat daripada beberapa tema, pertamanya, mengenai tema “kesediaan” iaitu melihat kepada maksud kesediaan, pengetahuan

⁴³Ahmad Sunawai (2005) *Kaedah Penyelidik Suatu Sorotan*. Selangor: Syarikat Percetakan Putrajaya, h, 1-26. Idris Awang (2001) *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: APIUM Inte Multi,edia And Publication, h 16-26.

⁴⁴ Ahmad Sunawari (2005) *Ibid*, h 40.

berkemampuan atau keinginan, hingga mengubah sikap kepatuhan serta kesanggupan kepada penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang Islam. Antara kajian yang pernah dilakukan dalam rangka tema ini ialah:

- 1) Tesis Ijazah Doktor Falsafah karya Sahuri bin Musa dari Universiti Malaysia Sabah tahun 2013. Tajuk tesis beliau berjudul “Pengaruh Konsep Kesediaan dan Faktor-Faktor Luaran terhadap Kejayaan Bumiputera Bajau di Tawau dan Semporna Sabah”. Dalam tesis tersebut penulis hanya membincangkan mengenai kesediaan dan sikap masyarakat ke atas kejayaan usahawan bumiputera di Sabah. Walau bagaimanapun, perbahasan penulis lebih fokus kepada kesediaan dalam membangunkan bidang ekonomi masyarakat tersebut dan bukannya kesediaan dalam bidang Undang-undang Jenayah Islam.
- 2) Seterusnya tesis Ijazah Doktor Falsafah oleh Hassan bin Baharom di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya pada tahun 2000 yang bertajuk, “Keinginan Politik dalam Pelaksanaan Undang-undang Islam di Malaysia”. Kajian yang dibuat ialah mengenai kesan penjajah terhadap bidang kuasa Undang-undang Islam. Umum mengetahui, Undang-undang Islam tidak mendapat tempat yang sewajarnya. Pelaksanaan Undang-undang Islam didapati bergantung kepada kesedaran, kefahaman, keinginan pemimpin politik terhadap konsep Undang-undang Islam. Tuntutan masa menjadi penolak bagi merealisasikan Undang-undang Islam sepenuhnya di Malaysia. Penyelidik tidak juga membincangkan tentang kesediaan untuk melaksanakan Undang-undang Jenayah Islam.

- 3) Tesis Ijazah Doktor Falsafah berjudul “Tasamuh Dalam Undang-Undang Jenayah Islam: Satu Kajian Terhadap Perspekti Pelajar-Pelajar Bukan Islam di Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia. Ia dikaji oleh Zul-Kifli bin Hussin dari Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia tahun 2013. Dalam penulisan, beliau membahas dan memperincikan khusus terhadap *tasamuh* dalam pensabitan, *tasamuh* dalam hukum hudud dan *tasamuh* undang-undang jenayah Islam terhadap orang bukan Islam. Analisis yang beliau lakukan pada keseluruhan memfokuskan konsep *tasamuh* yang berkisar pada zaman Rasulullah s.a.w. dan Sahabat. Sepanjang pembahasan tersebut tidak ditemui beliau membincangkan sikap dan kesediaan agensi kerajaan untuk melaksanakan undang-undang jenayah Islam di Malaysia.

- 4) Seterusnya tesis PhD yang bertajuk, “*Factors influencing self-directed learning readiness amongst Taiwanese nursing students*” dari School of Nursing, Queensland University of Technology pada tahun 2008. Kajian ini membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar Taiwan dalam bidang kejururawatan. Antara faktor yang mempengaruhi ialah interaksi guru dan pelajar, proses yang mudah dan sumber-sumber pembelajaran. Bagaimanapun perbincangan yang dilakukan lebih kepada metod-metod dalam pembelajaran berbanding persoalan kesediaan itu sendiri. Kajian yang dilaksanakan juga berbeza daripada kajian dalam tesis ini.

- 5) Kajian Phd oleh Naimatullah Shah ada juga berkait dengan kesediaan iaitu, “*Determinants of employee readiness for organizational change*” yang telah

diserahkan kepada Brunel Business School, Brunel University, London pada tahun 2009. Kajian ini telah membentuk *dependent variable* - kesediaan kepada perubahan organisasi kepada beberapa *independent variables* iaitu *emotional attachment, feeling of pride, pay/wages/rewards, promotion, job satisfaction, job involvement and social relationships in the workplace*. Kajian ini menyarankan beberapa pemboleh ubah bebas yang boleh digunakan dalam mengukur tahap kesediaan seseorang penjawat jawatan dalam melakukan sesuatu perubahan atau tindakan, walaupun ia berbeza dengan kajian yang sedang dilakukan oleh pengkaji.

Manakala di bawah tema “undang-undang jenayah Islam” terdapat beberapa kajian yang telah disoroti iaitu antaranya:

- 1) Tesis Ijazah Doktor Falsafah karya Mahmood Zuhdi bin Abdul Majid dari Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) tahun 1993. Tajuk tesis ialah; “Bidang kuasa dalam Undang-undang Mahkamah Syariah Malaysia: Satu Penelitian dari Aspek Pencapaian Objektif Hukum Syarak.” Penulis telah membincangkan skop bidang kuasa Undang-undang Islam di Malaysia yang sempit yang tidak menepati hudud, *qisas* dan takzir. Kajian ini tidak meneliti tentang kesediaan untuk melaksanakan undang-undang Jenayah Islam.
- 2) Tesis Ijazah Doktor Falsafah seterusnya ialah karya ilmiah Abu Bakar Abdullah daripada APIUM tahun 1985 yang bertajuk “Ke Arah Pelaksanaan Undang-Undang Islam di Malaysia: Masalah dan Penyelesaiannya.” Dalam tesis tersebut, secara umumnya, penyelidik membincangkan; Kedatangan Islam Di Malaysia,

Kesan campur tangan Inggeris. Kebangkitan umat Islam terhadap penentangan pelaksanaan Undang-undang Inggeris. Kesesuaian Undang Islam mengatasi Undang-undang Malaysia. Masalah pelaksanaan Undang-undang Islam dan penyelesaian ke arah pelaksanaan Undang-undang Islam. Kajian ini juga tidak meneliti tentang konsep kesediaan untuk melaksanakan Undang-undang Jenayah Islam.

- 3) “Pembaharuan Sistem Kehakiman Syariah dan Sivil di Malaysia” adalah tesis Doktor Falsafah yang ditulis oleh Arik Sanusi bin Yeop Johari pada tahun 2012 dari APIUM. Penelitian tersebut merupakan perbincangan Sistem Penghakiman Syariah dan Sivil. Pada keseluruhannya, penulis telah membuat suatu kajian komparatif Sistem Kehakiman Syariah dengan Sivil. Dalam sistem Islam, penghakiman merupakan suatu proses bagi hakim mendengar pihak-pihak yang terlibat mengemukakan tuntutan atau dakwaan, dan seterusnya memutuskan hukuman. Dalam kajian tersebut, penulis tidak meneliti tentang konsep kesediaan untuk melaksanakan Undang Jenayah Islam.

Berdasarkan tinjauan di atas, penyelidik belum menemui mana-mana hasil penulisan sama ada berbentuk buku mahupun jurnal membincangkan mengenai sikap dan kesediaan, kemampuan dan kesanggupan agensi kerajaan untuk melaksanakan Undang-undang Jenayah Islam. Oleh yang demikian, tidak keterlaluan sekiranya dikatakan bahawa penyelidikan tentang kesediaan kerajaan dalam pelaksanaan undang-undang Islam perlu dilakukan sebagai satu sumbangan ilmu yang boleh dimanfaatkan kepada masyarakat, para penulis, pengamal undang-undang dan Institusi Pengajian Negara.

1.8. Metodologi Kajian

Metodologi bermaksud pengetahuan tentang pelbagai cara kerja yang disesuaikan dengan objek studi ilmu-ilmu berkaitan. Metod (metode-metode) itu merupakan jalan atau cara yang digunakan secara lebih mendalam.⁴⁵ Metodologi kajian ialah satu cara dan kaedah yang sistematik untuk memperoleh dan mengumpul data-data yang tepat dan bersesuaian berkaitan dengan tujuan kajian.

Dalam penyelidikan ilmiah, kaedah kajian amat penting kerana ianya dapat menentukan keberkesanan kajian melalui cara kerja untuk memahami dan mengkaji objek atau perkara yang menjadi sasaran kajian. Sesuatu kajian ilmiah akan bertambah tinggi kualitinya apabila metodologi yang digunakan bertepatan dan bersesuaian dengan tajuk yang dipilih dan tujuan kajian yang dijalankan. Kaedah pengumpulan data melibatkan usaha untuk mendapatkan data-data atau maklumat dengan pelbagai cara seperti soal selidik, temu bual, perbincangan, penyemakan, bahan-bahan rujukan dan sebagainya.⁴⁶

Tesis ini adalah berbentuk kajian kualitatif iaitu kajian yang menggunakan kaedah pembentangan keterangan serta pemerhatian yang bukan bersifat nombor (numerical) walaupun terdapat sebahagian keterangan yang merujuk kepada penomboran dan angka. Sebahagian besar keterangan, interpretasi, atau makna yang diberikan adalah berasaskan bacaan dan hasil komunikasi.⁴⁷ Dalam menjayakan kajian

⁴⁵Fuad Hassan dan Koentjaraningrat (1976), *Beberapa Asas Metodologi Ilmiah*. c. 2, Jakarta: T.P, h. 8.

⁴⁶Kamarudin Ngah (1990) *Kaedah Penyelidikan: Panduan Mudah Kerja Luar*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, h. 16.

⁴⁷Jasmi, K. A. (27-28 Mac 2012). *Penyelidikan Kualitatif dalam Sains Sosial*. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 (Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim). Melaka, h 4.

yang akan dilakukan, pengkaji telah menggunakan dua bentuk metodologi berikut, iaitu;

1.8.1. Kaedah Pengumpulan Data

Pengumpulan sumber data dalam penyelidikan ini dibahagikan kepada dua jenis iaitu sumber primer dan sumber sekunder.⁴⁸ Dalam memperoleh data-data tersebut, pengkaji telah menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan kajian temu bual. Kaedah temu bual bersemuka dengan responden yang mempunyai pengetahuan luas tentang undang-undang jenayah Islam.

1.8.2 Kajian Kepustakaan

Kajian kepustakaan merupakan kaedah yang penting untuk mendapatkan data sekunder. Matlamat kajian untuk mengetahui konsep kesediaan dalam disiplin syariah. Menyingkap kembali sejarah kesediaan pensyariaan hukum Islam pada zaman Rasulullah SAW dan sahabat.⁴⁹ Mengetahui fungsi dan peranan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Kajian kepustakaan ini merupakan kaedah yang digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data. Penghuraian semua data-data sangat penting bagi melihat kaedah-kaedah yang dirangka dapat mencapai objektif yang dicadangkan. Penyelidik akan menganalisis kembali laporan, teori, metodologi atau penemuan hasil kajian.

⁴⁸Sumber primer adalah sumber yang ada kaitan langsung dengan keadaan yang dikaji termasuk temu bual, observasi dan seumpamanya. Manakala sumber sekunder pula ialah sumber yang ada perantara di antara keadaan atau pengalaman yang dikaji seperti ulasan, makalah dan juga buku-buku ilmiah. Idris Awang (2001). *Kaedah penyelidikan: Suatu Sorotan*. Shah Alam: APIUM dan *Intel multimedia and Publication*, h. 75..Ahmad Sunawari (200), *op cit*, h 55.

⁴⁹Ahmad Sunawari Long (2005) *op cit* h. 40-41.